

Persekolahan 1.8 juta pelajar terjejas akibat jerebu buruk di enam negeri

3,000 sekolah ditutup

MsM
28/9/2015
m/s 2

PUTRAJAYA - Hampir 3,000 buah sekolah di enam negeri dengan melibatkan kira-kira 1.8 juta pelajar dan 120,000 guru diarah tutup hari ini ekoran bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang semakin buruk melanda negeri-negeri tersebut.

Kementerian Pendidikan mengumumkan semua sekolah rendah, menengah di Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran negara di Putrajaya ditutup.

Bagaimanapun, di Perak hanya semua sekolah di Tanjung Malim manakala di Sarawak pula semua sekolah di bahagian Sri Aman, Kuching dan Samarahan turut diarah tutup.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahadzir Khalid berka-

“Berikutan jerebu di beberapa buah negeri semakin buruk, kementerian memutuskan sekolah-sekolah yang terjejas bagi menjamin kesihatan dan keselamatan pelajar.”

MAHADZIR KHALID



MAHADZIR

ta, pemantauan berterusan di seluruh negara mendapati beberapa negeri dan bahagian di Sarawak semalam mencatatkan bacaan IPU sangat tidak sihat (201-300) dan tidak sihat (101-200).

“Berikutan keadaan jerebu yang dicatatkan di beberapa buah negeri semakin buruk, kementerian memutuskan untuk menutup sekolah-se-

kolah yang terjejas bagi menjamin kesihatan dan keselamatan pelajar.”

“Bagaimanapun untuk esok (hari ini), kementerian akan terus memantau IPU di seluruh negara dan pengumuman rasmi akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada pukul 2 petang,” kata beliau pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, kementerian memandang serius keadaan jerebu yang melanda ketika ini yang mungkin menjejaskan kesihatan dan keselamatan pelajar serta guru-guru.

Sehubungan itu, Mahadzir turut memberitahu, kementerian

INFO Negeri dan sekolah-sekolah ditutup

Negeri	Bilangan sekolah	Bilangan pelajar	Bilangan guru
Selangor	931	916,146	62,101
Kuala Lumpur	303	231,165	17,997
Putrajaya	25	20,266	1,656
Negeri Sembilan	473	199,083	17,891
Sarawak			
Kuching	265	129,784	10,170
Samarahan	198	54,871	5,030
Pahang	731	258,866	26,326
Perak			
Tanjung Malim	17	6,220	605

terian telah memberikan kuasa di peringkat Jabatan Pendidikan negeri dan daerah untuk menentukan keperluan penutupan sekolah atau tidak iaitu berdasarkan bacaan IPU terkini di kawasan masing-masing.

“Keputusan menutup sekolah boleh dibuat sekiranya bacaan IPU di kawasan tersebut mencatatkan bacaan antara 120 hingga 150 manakala jarak penglihatan di bawah 500 meter.

“Kementerian hanya mengumumkan penutupan sekolah secara umum untuk negeri-negeri yang terjejas.

“Namun sekiranya terdapat kawasan yang mencatatkan bacaan di bawah 200 iaitu antara 120 hingga 150

dan jarak penglihatan bawah 500 meter Jabatan Pendidikan negeri atau daerah berkenaan boleh membuat keputusan untuk menutup sekolah dengan memaklumkan kepada kementerian terlebih dahulu,” jelas beliau.

Dalam pada itu, bagi tujuan tersebut, Mahadzir memberitahu, pihaknya telah meminta Jabatan Alam Sekitar supaya melaporkan bacaan jarak penglihatan kepada kementerian selain menyediakan bacaan IPU.

“Aspek jarak penglihatan adalah salah satu faktor yang diambil kira pada masa ini bagi sebarang keputusan penutupan sekolah kerana ia turut menjejaskan keselamatan,” kata beliau.

INFO IPU (Sehingga pukul 7 malam)

Kawasan	11 pagi	7 malam
Selangor		
Banting	190	150
Kuala Selangor	168	141
Pelabuhan Kelang	252	173
Petaling Jaya	232	161
Shah Alam	281	177
Kuala Lumpur		
Batu Muda	256	174
Cheras	183	149
Putrajaya	206	59
Sarawak		
Kuching	139	122
Samarahan	145	140
Negeri Sembilan		
Nilai	144	109
Port Dickson	131	112
Seremban	152	130
Pahang		
Jerantut	122	114
Kuantan	65	58
Perak		
Tanjung Malim	147	143
Seri Manjung	123	117